



PEKELILING PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Tarikh: 15 Disember 2023

Bil.1/2023

Ruj: UMS/PPUU1.6/100-1/7/18 (4)

POLISI PENERIMAAN HADIAH UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2023

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan polisi penerimaan hadiah di UMS. Polisi ini akan menjadi rujukan pegawai UMS berkenaan garis panduan penerimaan hadiah di dalam perkhidmatan.

2.0 PERNYATAAN DASAR

- 2.1 UMS komited untuk memastikan integriti pegawai dan warganya terpelihara dan bebas daripada sebarang amalan rasuah. Oleh yang demikian, semua pegawai UMS adalah dilarang daripada menerima sebarang hadiah atau memberikan hadiah dalam apa jua bentuk dan nilai daripada atau kepada mana-mana orang.
- 2.2 Penerimaan dan pemberian hadiah, sekiranya berlaku, hendaklah mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan peraturan 7 dan 8 Jadual Kedua Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan mana-mana peraturan di dalam pekeling Kerajaan yang diterima pakai oleh UMS berhubung penerimaan dan pemberian hadiah.

3.0 LATAR BELAKANG

- 3.1 Amalan memberi dan menerima hadiah telah menjadi budaya dalam masyarakat malah ia amat sukar dibendung tanpa kawalan. Meskipun budaya ini bertujuan menzahirkan penghargaan meraikan persaudaraan dan persahabatan, namun niat di sebalik perbuatan tersebut sukar diterjemah. Jika dikaitkan dalam perkhidmatan atau tugas rasmi, amalan ini berkemungkinan menjurus ke arah penyalahgunaan kuasa yang boleh diinterpretasikan sebagai rasuah. Perkara ini mengakibatkan integriti dan imej UMS terjejas.
- 3.2 Dalam usaha meningkatkan integriti, polisi penerimaan hadiah diwujudkan agar pelaksanaan tugas rasmi harian dijalankan dengan telus oleh pegawai UMS.

4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil.22/2023 Kali Ke-358 pada 5 Disember 2023 telah bersetuju meluluskan Polisi Penerimaan Hadiah UMS 2023 seperti di Lampiran.
- 4.2 Isi kandungan polisi dirumuskan seperti berikut:

Bil.	Kandungan
1	Tujuan
2	Pernyataan Dasar
3	Latar Belakang
4	Tafsiran
5	Larangan Memberi dan Menerima Hadiah
6	Hadiah Yang Boleh Diterima Oleh Pegawai UMS Dengan Kebenaran
7	Bentuk, Amaun Atau Nilai Hadiah Sepadan Atau Tidak Sepadan Dengan Maksud Ianya Diberi
8	Penerimaan Hadiah Yang Sukar Ditolak
9	Penerimaan Hadiah Yang Menjadi Kesalahan
10	Penajaan Daripada Pihak Luar
11	Keputusan Ketua Jabatan
12	Kewajipan Melaporkan Tawaran Rasuah/Suapan
13	Penutup
14	Tarikh Kuatkuasa
15	Pembatalan
16	Lampiran A : Borang Penerimaan Hadiah Universiti Malaysia Sabah
17	Lampiran B : Laporan Penerimaan Hadiah Universiti Malaysia Sabah

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Penasihat Undang-Undang ini berkuatkuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada 5 Disember 2023.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AWANG SUHAIZAM BIN BUNGSO

Penasihat Undang-Undang
Universiti Malaysia Sabah

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penolong Naib Canselor
 - Dekan-Dekan/Pengarah-Pengarah